



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"IKHLAS DALAM BERIBADAH"

9 Ogos 2024 / 4 Safar 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT, dengan memperkukuhkan pengabdian kepada Nya, senantiasa mempertingkatkan amal kebaikan dan meninggalkan segala kemungkaran yang mengundang kemurkaan Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "IKHLAS DALAM BERIBADAH".

Firman Allah SWT, ayat 5 surah *al-Bayyinah*:

﴿ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ ۚ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾

Bermaksud: Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepada Nya semata-mata dan tetap teguh atas tauhid dan mendirikan solat dan menunaikan zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar).

Ikhlas ialah salah satu sifat mahmudah (terpuji), melambangkan kesucian niat sewaktu melakukan sesuatu perkara, demi mendekatkan diri dengan Allah SWT. Amal dan ibadah seorang Mukmin tidak akan diterima oleh Allah SWT jika dilakukan tanpa keikhlasan, membuktikan bahawa niat yang ikhlas menjadi asas pertimbangan sama ada amalan dan ibadah seseorang diterima atau ditolak. Keikhlasan tidak boleh dicemari

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



dengan sifat mazmumah yang tercela seperti riyak (menunjuk-nunjuk), 'ujub (bangga diri), beriri hati dan berhasad dengki.

Sifat ikhlas mempunyai banyak kelebihan dan fadilat. Amalan yang kecil atau sedikit jika dilakukan dengan niat yang ikhlas, akan membuahkan ganjaran yang besar; sebaliknya amalan yang besar jika dilakukan tanpa keikhlasan akan mengecilkan ganjaran atau menjadi sia-sia. Keikhlasan hati menatijahkan ketenangan, yang sedikit terasa cukup, yang berat terasa ringan, yang susah menjadi senang. Umat Islam hendaklah meletakkan sepenuh keyakinan dalam sanubarinya bahawa Allah SWT hanya melihat kepada ketakwaan dan keikhlasan yang terkandung dalam jiwa manusia. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Bermaksud: *Sesungguhnya Allah SWT tidak melihat kepada rupa dan harta kamu. Tetapi Allah SWT melihat kepada hati dan amalan kamu. (Hadis Riwayat Muslim)*

Sifat ikhlas menjadi pendorong kepada Mukmin untuk melakukan amalan baik di samping menghindari daripada perkara-perkara maksiat dan mungkar. Sifat ikhlas berkait rapat dengan sifat-sifat mahmudah lain, seperti reda, pasrah, qanaah (rasa cukup), syukur dan sabar. Kelebihan bagi Mukmin yang ikhlas akan terpelihara daripada bisikan dan gangguan syaitan. Firman Allah SWT ayat 39 hingga 40 surah *al-Hijr*:

﴿ قَالَ رَبِّ بِمَا أَغْوَيْتَنِي لَأُزَيِّنَنَّ لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَلَا أُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٣٩﴾ إِلَّا عِبَادَكَ مِنْهُمُ الْمُخْلِصِينَ ﴿٤٠﴾ ﴾

Bermaksud: Iblis berkata: "Wahai Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, (maka) aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi dan aku akan menyesatkan mereka semuanya! Kecuali hamba-Mu yang ikhlas (dibersihkan daripada sebarang syirik) dalam kalangan mereka.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Terkandung dua bentuk ibadah dalam Islam; pertama: ibadah khusus dan kedua: ibadah umum. Ibadah khusus merangkumi solat, puasa, zakat, haji, korban, wakaf dan sedekah; jika dilaksanakan dengan betul, menepati sunnah Rasulullah SAW, dan dengan niat ikhlas, akan diterima oleh Allah SWT dan diganjar pahala dan rahmat berganda.



Begitu juga ibadah umum merangkumi kepimpinan, pekerjaan, perniagaan, menyampaikan ilmu, membuat kebajikan seperti merawat orang sakit, menjaga orang cacat, orang tua, dan orang dalam keuzuran, serta anak yatim, juga membangunkan ummah dan masyarakat, akan dilimpahi rahmat dan keberkatan daripada Illahi jika dilaksanakan dengan ikhlas. Pemimpin yang ikhlas akan berjaya mengemudi kepimpinannya dalam ikhtiar mengangkat martabat ummah. Peniaga yang ikhlas akan menjalankan perniagaan secara telus, memperoleh rezeki secara halal tanpa menipu dan memperdaya orang lain. Warga pendidik yang ikhlas akan bersungguh-sungguh mendidik pelajarannya menjadi insan berjaya yang berpengetahuan lagi berilmu. Penjawat awam yang ikhlas akan menyempurnakan tanggungjawab secara amanah, menghindarkan diri daripada terlibat dengan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Sikap segelintir umat Islam yang berlebih-lebihan mempertontonkan amal ibadahnya di media sosial hendaklah dimuhasabahkan dan diinsafkan. Diperhatikan sedang berlaku perbuatan menyalahgunakan ibadah haji dan umrah untuk mempromosi produk jualan, serta meraih laba dan keuntungan; program bersolat tahajud dipertontonkan untuk mengumpul dana, tangisan dalam solat dan doa, dipertontonkan untuk meraih simpati. Wahai ummah insaf! Apakah tujuan sebenarnya apabila mempertontonkan ibadah untuk menarik perhatian manusia? Dibimbangkan hakikatnya kita telah terperangkap dalam tipu daya syaitan. Ingatlah syaitan bukan sahaja mengajak manusia kepada perbuatan yang dilarang, malah syaitan bijak memperdayakan manusia dengan mengolah amal kebaikan yang boleh menjejaskan keikhlasan tujuan beribadah. Rasulullah SAW memperingatkan bahawa Allah SWT tidak menerima ibadah kecuali yang terbit dari hati yang benar-benar ikhlas, sabda Baginda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتِغَىٰ بِهِ وَجْهَهُ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan melainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dan mengharapkan redanya sahaja.

(Hadis Riwayat Al-Nasa'i)

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Mimbar menyenaraikan beberapa kesimpulan berdasarkan ciri-ciri keikhlasan yang digariskan oleh Hujjatul Islam, Imam al-Ghazali seperti berikut:



Pertama: Berdoa kepada Allah SWT agar memasukkan kita dalam kalangan yang ikhlas menyembah dan mentaati Nya. Mengingatn diri agar menjauhi sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal terutama sifat riyak, sombong, iri hati dan hasad dengki ketika melakukan ibadah.

Kedua: Ibadah yang dilakukan dengan ikhlas semata-mata mengharapkan keredaan Allah SWT akan dilimpahi keberkatan di dunia dan di akhirat untuk dirinya, keluarganya dan masyarakat secara umum.

Ketiga: Tidak merasa bangga dengan pujian dan tidak terkesan dengan kejian manusia; kerana segalanya dilakukan semata-mata mencari keredaan Allah SWT.

Keempat: Istiqamah dalam melakukan amal kebaikan walaupun sedikit dan sentiasa mengharapkan ganjaran dan pahala di akhirat kelak tanpa mengungkit amal yang dilakukan.

Kelima: Menginsafi kelemahan serta mengakui kekurangan diri, dan sentiasa berusaha memperbaiki diri serta tidak bersifat sombong dengan kurniaan Allah kepadanya, tidak pula bermegah-megah dengan amal kebaikan yang dilakukannya.

Keenam: Menerima kelebihan yang Allah SWT kurniakan kepada orang lain, menjauhi sifat iri hati dan hasad dengki kerana menginsafi segala kelebihan itu kurniaan daripada Allah SWT jua.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Hayyu! Ya Qayyum! Bukakan pintu hati kami untuk beramal dengan penuh keikhlasan, hindari kami daripada sifat riyak, ujub, bangga diri, iri hati dan hasad dengki. Terimalah segala ibadah kami, hitungkanlah ibadah kami sebagai amal yang soleh.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Nur al Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.﴾

PENGUMUMAN SEBELUM JUMAAT 9OGOS 2024

KEPADA: IMAM / KHATIB BERTUGAS

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Sidang Jemaah yang dimuliakan, di sini ingin saya membuat satu pengumuman:

Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) melalui Pejabat Pembangunan Negeri Perak sedang melaksanakan Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta bagi negeri Perak. Program ini bertujuan untuk merancakkan ekonomi peringkat komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana sehingga RM100 ribu kepada komuniti yang layak.

Program ini melibatkan lima (5) sektor tumpuan iaitu:

- 1) Pertanian dan Makanan;
- 2) Jahitan dan Kraf Tangan;
- 3) Herba dan Kesihatan;
- 4) Pelancongan dan Hospitaliti; dan
- 5) Aktiviti Hijau dan Kitar Semula.

Komuniti boleh memilih untuk melaksanakan satu (1) atau lebih program dalam sektor tumpuan yang sama atau gabungan beberapa sektor tumpuan yang telah ditetapkan dengan syarat tidak melebihi nilai geran yang ditawarkan RM100 ribu dalam satu permohonan.

Komuniti yang layak memohon adalah:

- 1) Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK);
- 2) Komuniti Kampung Orang Asli;
- 3) Komuniti yang mendapat pengesahan daripada Pejabat Daerah atau agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) atau Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN); atau
- 4) Persatuan Penduduk yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM).

Bagi komuniti yang berminat, permohonan Program SejaTi MADANI boleh dibuat melalui Sistem MySejaTi MADANI. Tarikh tutup permohonan adalah pada 30 September 2024.